

SEKILAS INFO

PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK, PENGURUSAN KUALITI DAN RISIKO



Bengkel Teknikal Pelaksanaan *Exit Survey* bagi Kajian Pengesanan Graduan Tahun 2025 Universiti Awam

Pada 26 hingga 27 April 2025, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menghantar seorang wakil dari Pejabat SQRC untuk menghadiri Bengkel Teknikal Pelaksanaan *Exit Survey* bagi Kajian Pengesanan Graduan Tahun 2025 Universiti Awam. Bengkel ini diadakan di Pacific Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan, dan disertai semua penyelaras MyMoheS dan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) Universiti Awam. Bengkel ini menjadi wadah penting untuk memperkukuh rangkaian kerjasama antara penyelaras MyMoheS dan SKPG dengan pihak kementerian, di samping memberikan ruang bagi penambahbaikan sistem dan prosedur sedia ada.



Mesyuarat JAWATANKUASA PENGURUSAN PRESTASI PROGRAM (PPMC) BAGI PENYEDIAAN BAJET BERASASKAN 2026 OUTCOME (OBB)

UNIVERSITI AWAM

10 APRIL 2025 (KHAMIS) | 5:00 PETANG - 7:00 PETANG

SECARA DALAM TALIAN

BAHAGIAN GOVERNAN IPTA, JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Prestasi Program (PPMC) bagi Penyediaan Bajet Berasaskan *Outcome* (OBB) 2026

Pada 10 April 2025, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Prestasi Program (PPMC) telah diadakan secara atas talian bagi membincangkan hala tuju serta penyediaan Kerangka Keberhasilan Universiti Awam (UA) dan Hospital Pengajar Universiti (HPU) sebagai persediaan bagi permohonan Bajet 2026 kepada Kementerian Kewangan (MOF). Mesyuarat turut menekankan kepentingan pematuhan kepada Pekeliling Perbendaharaan P.B 1.1 yang merangkumi perancangan berasaskan *outcome*, penyediaan bajet serta pemantauan dan pelaporan keberhasilan. Mesyuarat ini menjadi landasan awal ke arah pengurusan prestasi bajet yang lebih cekap dan berimpak tinggi menjelang 2026.



Sharing bersama pihak iCATS University College **THE EXPERT INSIGHTS: CYBERSECURITY & RISK MANAGEMENT FROM INDUSTRY & BEYOND**


Pada 30 April 2025, Pejabat SQRC telah dijemput untuk berkongsi pandangan dan pengalaman berkaitan cabaran keselamatan siber masa kini serta pendekatan strategik dalam menangani risiko digital dalam satu sesi perkongsian ilmu yang telah diadakan oleh pihak iCATS University College dengan tajuk “*The Expert Insights: Cybersecurity & Risk Management from Industry & Beyond*”. Sesi ini memberi tumpuan kepada isu-isu semasa dalam bidang keselamatan siber dan pengurusan risiko dari perspektif industri dan akademik. Di samping memberi pendedahan tentang ancaman siber semasa serta kepentingan kesedaran dan ketahanan digital dalam menghadapi cabaran dunia digital masa kini, ia sekaligus membantu untuk memperkukuh jalinan kerjasama antara UNIMAS dan iCATS dalam usaha membangunkan kesedaran dalam bidang keselamatan siber.



PROGRAM SQRC APRIL 2025

Bil.	Perkara	Tarikh
1	Risk Assessment for Action Plan 2025 bagi Strategic Focus 5: Financial Sustainability (Pejabat Bendahari)	8 April 2025
2	Risk Assessment for Action Plan 2025 bagi Strategic Focus 1: Future Ready Graduates (Academic & Internationalization) (Pejabat TNC AA)	8 April 2025
3	Risk Assessment for Action Plan 2025 bagi Strategic Focus 2: Research & Discovery (Pejabat TNC PI)	9 April 2025
4	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Prestasi Program (PPMC) Bagi Penyediaan Bajet Berasaskan Outcome Universiti Awam 2026	10 April 2025
5	Sesi Perbincangan Kerangka OBB dan Kamus KPI Bersama KPI Owner	16 April 2025
6	Perbincangan Bersama Pegawai Pejabat Penasihat Undang-Undang	16 April 2025
7	Risk Assessment for Action Plan 2025 bagi Strategic Focus 3: (Pejabat Pendaftar)	17 April 2025
8	Mesyuarat Penyelarasan KPI OBB KPT & Pengenalan Sistem My Belanjawan	24 April 2025
9	Penyediaan dan Penghantaran Data MyMoheS Universiti Awam (UA) bagi Modul Pelajar dan Staf (Cut-Off Date 31 Mac 2025)	25 April 2025
10	Majlis Ramah Tamah Aidilfitri SQRC 2025	25 April 2025
11	Bengkel Teknikal Pelaksanaan Fasa 1 Exit Survey Bagi Kajian Pengesanan Graduan Tahun 2025 Universiti Awam	26 - 27 April 2025
12	Risk Assessment for Action Plan 2025 bagi Strategic Focus 1: Future Ready Graduates (HEPA) (Pejabat TNC HEPA)	28 April 2025
13	Mesyuarat Jawatankuasa Strategi dan Kualiti Bil. 01/2025 ke-33	30 April 2025
14	Sharing bersama pihak ICATS University College THE EXPERT INSIGHTS: CYBERSECURITY & RISK MANAGEMENT FROM INDUSTRY & BEYOND	30 April 2025

SOROTAN AKTIVITI



PENGURUSAN & PENTADBIRAN

Pengarah, Prof Gs Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah**, Timbalan Pengarah, Prof Madya Dr Helen Tan Sui Hong & Ir. Dr Marini Sawawi | **Ketua Penolong Pendaftar**, Puan Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman | **Penolong Pendaftar Kanan**, Puan Dayang Mazina Awang Batu | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan**, Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan**, Encik Mohd Hairulnizam Mohd Zamri | **Setiausaha Pejabat**, Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan**, Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir**, Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi**, Encik Rozaimi Anis

eISSN 2948-5088



STRATEGIC PLANNING, QUALITY
& RISK MANAGEMENT CENTRE

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko
Universiti Malaysia Sarawak
Aras 3, Canselor
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
<http://www.sqrc.unimas.my/>